



Seni bahasa

SATU ARAH SATU SUARA

Pengerusi Taman Selamat mengadakan perjumpaan di balai jawatankuasa kampung bersama beberapa orang jawatankuasa.

berat sama dipikul, ringan sama dijinjing

menangguk di air keruh, menahan lukah di pergentingan

bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat

bukit sama di daki, lurah sama dituruni

Di balai jawatankuasa kampung...

Pengerusi taman: Baiklah, tujuan saya memanggil semua penduduk Taman Selamat adalah untuk membincangkan perkara penting tentang keselamatan di kawasan taman ini. Baru-baru ini telah berlaku kejadian pencuri memecah masuk ke rumah di hujung taman dan untuk mengelakkan perkara tersebut berlaku, setiap ahli jawatankuasa taman perlu bergilir untuk meronda taman pada setiap malam.

Penduduk taman 1: Betul tu. Kita mestilah sentiasa bekerjasama dalam memastikan keselamatan kampung kita bak kata pepatah, _____.

Pengerusi taman: Adakah semua bersetuju? Jika kamu semua bersetuju, saya akan menyediakan jadul penggiliran.

Semua AJK: Setuju! Kami bimbangkan keselamatan keluarga kami! Oleh itu, marilah kita bersama melakukan rondaan setiap malam walaupun terpaksa bersenggang mata seperti kata pepatah, _____.

Ketika meronda...

Penduduk taman 1: Saya hairan mengapa taman ini menjadi perhatian pencuri. Walhal bukan kebanyakan rumah di taman ini hanya biasa-biasa sahaja dan bukannya rumah yang mewah.

Penduduk taman 2: Mungkin pencuri itu terdesak kerana tiada wang.

Penduduk taman 1: Betul juga kata kamu. Tetapi mencuri bukanlah sesuatu yang baik, banyak lagi kerja yang boleh dilakukan selain daripada mencuri.

Penduduk taman 2: Itulah lumrah kehidupan pada zaman kini. Yang kaya semakin kaya, yang miskin semakin miskin kerana yang kaya mengambil kesempatan terhadap orang miskin seperti _____. Oleh itu, ramai penganggur yang hidup melarat.

Selepas beberapdi balai jawatankuasa)

Pengerusi taman: Selepas beberapa minggu kita melakukan rondaan setiap malam, tiada lagi kes kecurian yang berlaku. Terima kasih kerana telah bekerjasama dan bersetuju mengadakan rondaan tersebut. Tanpa kalian semua, kata sepakat tidak dapat dicapai bak kata pepatah, bulat _____.

Penduduk taman 1: Ya benar. Kami memikirkan keselamatan keluarga kami dan juga penduduk taman ini.

Penduduk taman 2: Kalau bukan kita, siapa lagi yang akan melakukannya?